

KENYATAAN DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH

25 MEI 2022

.....

**1. HARI KEPUTERAAN S.P.B YANG DI-PERTUAN AGONG**

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang bakal diraikan pada 6 Jun 2022 (Isnin). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am. Kami mendoakan kesejahteraan dan kesihatan yang baik dikurniakan kepada Kebawah Duli YangMaha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan seisi keluarga.

**2. HARI TANPA TUNAI DI KAUNTER MBSP**

Majlis Bandaraya Seberang Perai akan melancarkan 'Hari Tanpa Tunai' di Kaunter MBSP selaras dengan inisiatif pendigitalan perkhidmatan MBSP ke arah melestarikan Bandaraya Seberang Perai sebagai bandar pintar.

Sehubungan itu, 'Hari Tanpa Tunai' di kaunter MBSP akan dilaksanakan pada hari Rabu setiap minggu, mulai 1 Jun 2022 di mana penggunaan wang tunai tidak akan digunakan sepenuhnya pada hari tersebut.

Oleh itu, pelanggan digalakkan untuk membuat permohonan dan transaksi bayaran menggunakan aplikasi digital seperti laman 'Cyber Counter MBSP', MBSPPay, JOMPAY, e-boost dan 'TnG e-wallet'. Bagi melancarkan urusan dan memberi kemudahan kepada pelanggan, beberapa inisiatif lain disediakan seperti penyediaan 'Sudut Cyber Counter' dan kiosk.

Di antara perkhidmatan yang boleh dimohon secara atas talian termasuklah permohonan dan pembaharuan lesen perniagaan MBSP, permohonan tukar nama dan alamat pos cukai taksiran, permohonan lesen anjing, permohonan pelekat kereta OKU, permohonan stiker banner, permohonan kebebasan maklumat (FOI), tempahan kompleks sukan MBSP, aduan, bayaran cukai taksiran, kompaun MBSP dan sewa gerai. Perkhidmatan-perkhidmatan lain juga boleh dibuat menggunakan 'i-bil'.

'Hari Tanpa Tunai' ini dilihat sebagai inisiatif yang penting di era endemik dan menjadi pemangkin kepada perkhidmatan yang lebih

cekap, berintegriti dan lebih selamat. Pelaksanaan 'Hari Tanpa Tunai' juga diharap akan meningkatkan kefahaman warga Seberang Perai mengenai perkhidmatan 'online' MBSP

### **3. ASPIRE SEBERANG PERAI**

Aplikasi ASPIRE Seberang Perai telah dilancarkan oleh YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa pada 24 Mei 2022 di Dewan Kenanga, Menara Bandaraya MBSP.

Aplikasi ASPIRE Seberang Perai diinspirasikan sebagai One Stop Center bagi perkhidmatan yang disediakan oleh MBSP. Ianya dilengkapi dengan ciri-ciri terkini, interaktif dan informative yang dijangka dapat memperkenalkan Seberang Perai dan MBSP secara meluas. Antara komponen menarik di dalam ASPIRE adalah EKSPLOKASI yang membawa pengguna menerokai lokasi-lokasi menarik di Seberang Perai. Ianya dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu:

- 1. Tempat sejarah**
- 2. Tempat menarik**
- 3. Tempat makan.**

Dengan adanya informasi sebegini, ianya akan menjadi pemudah cara serta penunjuk arah untuk mendekatkan pengguna kepada Seberang Perai dan MBSP.

Disamping itu, ASPIRE Fasa 1 turut dilengkapi dengan gerbang pembayaran terkini bagi tiga (3) perkhidmatan utama MBSP iaitu cukai taksiran, sewaan gerai / kompleks dan kompaun. Perkhidmatan-perkhidmatan lain akan ditambah pada fasa yang berikutnya.

Aplikasi ASPIRE boleh di muat turun sekarang di Apple App Store, Google Play Store dan Huawei AppGallery atau layari <https://aspire.mbsp.gov.my>

#### **4. JOHAN ONE PLANET CITY CHALLENGE (OPCC) PERINGKAT KEBANGSAAN DAN PESERTA AKHIR PERINGKAT GLOBAL BAGI TAHUN 2021/2022**

Dimaklumkan bahawa World Wide Fund (WWF) telah mengumumkan Seberang Perai telah terpilih sebagai Johan bagi One Planet City Challenge (OPCC) dan kejayaan ini melayakkan

Seberang Perai bertanding di peringkat Global mewakili Malaysia. Pusingan kelayakan ini telah melibatkan lebih daripada 280 buah bandar daripada 50 buah negara yang telah disenarai pendek untuk menyertai Pertandingan OPCC ini. Tahniah diucapkan kepada semua warga Seberang Perai.

## **5. KEPENTINGAN MENJAGA KEBERSIHAN DIRI DAN PERSEKITARAN**

Malaysia telah memasuki fasa endemik Covid-19, namun begitu diharapkan orang ramai masih berwaspada kerana masa kini kita diancam penyebaran penyakit HFMD di kalangan kanak-kanak dan juga demam denggi. Oleh yang demikian, penjagaan kebersihan diri yang betul amat perlu dipraktikkan.

Di samping itu, MBSP turut menggesa penduduk Seberang Perai untuk sama-sama menjaga persekitaran tempat tinggal dan kebersihan supaya dapat mengelakkan tempat pembiakan nyamuk aedes. Ini juga menjadikan kawasan sekitar lebih selamat, bersih dan sihat.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**